

Tunku yakin Dr. M akan menjadi pemimpin yg baik

• DARI MUKA 1

semata-mata untuk membetulkan ketidakseimbangan dan membela kesengsaraan orang-orang Melayu.

"Ketidakseimbangan ini mesti dibetulkan untuk kepentingan negara," ujarnya sambil menegaskan: "Beliau adalah seorang yang adil dan bertimbangrasa."

Setiausaha Kehormat Dewan Perniagaan Cina Malaysia, Enck Soong Siew Hoong sewaktu menyatakan sokongannya kepada Kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir berkata

"Saya tidak fikir akan berlaku banyak perubahan tetapi mungkin di segi gaya dan pendekatan pelaksanaan satu-satu dasar itu mungkin berbeza kerana Dr. Mahathir sendiri pernah menegaskan demikian.

Ketiga-tiga pemimpin dewan perniagaan ini menyatakan kegemilangan mereka dengan kesanggupan Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah untuk mengekalkan jawatannya itu di bawah Kabinet Datuk Seri Dr. Mahathir.

Setiausaha Agung CUEPACS, Enck Jamaluddin Mat Isa berkata suasana perusahaan dan buruh negara akan berjalan seperti biasa.

Beliau juga yakin hak-hak kaum buruh tidak akan terjejas kerana Undang-undang Buruh Negara sudah pun terlalu ketat.

Di Pulau Pinang, Bernama melaporkan, Tunku Abdul Rahman Putra menyatakan keyakinannya bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir akan menjadi seorang pemimpin yang baik jika beliau mengikut jejak langkah Perdana Menteri-Perdana Menteri yang lalu.

Tunku berkata, "Dr. Mahathir masih muda, sihat dan cergas. Beliau berpelajaran tinggi, pintar berfikir dan pandai bersyarah.

"Apa yang beliau perlu lakukan ialah membuat seperti yang pernah dilakukan oleh orang-orang sebelumnya dan

beliau hendaklah menjadikan Malaysia sebuah negara yang gembira, aman dan makmur."

Tunku berkata, kadang kala Datuk Seri Dr. Mahathir tidak bersependapat dengannya dan dasar-dasarnya.

"Kini beliau sudah sampai ke peringkat itu, beliau akan faham apa yang berlaku kepada saya dan beliau tentu boleh menyesuaikan dirinya dengan jawatan barunya.

"Untuk menjadi seorang pemimpin negara ini, patut saya tambah, ialah keredhaan Allah. Dan sebagai seorang pemimpin tulen, beliau hendaklah menghormati ikrar-ikrar yang dibuat kepada rakyat dan bertindak mengikut kehendak Allah," tambahnya.

Minat

Presiden MIC, Datuk S. Samy Vellu ketika menyatakan penghargaannya kepada Tun Hussein Onn berkata, negara di bawah pemerintahannya berjaya mencapai kemajuan yang berkekalan. Dua rancangan pembangunan Malaysia dilancarkan dan beliau juga telah memberi sumbangan yang tidak ternilai dalam usaha mengukuhkan ASEAN selain dari meneruskan dasar-dasar Allahyarham Tun Razak.

Mengenai perlintakan Datuk Seri Dr. Mahathir, beliau berkata minat mendalam Datuk Seri Dr. Mahathir dalam hal-hal dan perjalanan lain-lain kementerian beberapa tahun lepas telah menolong mendidik beliau mempunyai pengetahuan yang serba lengkap mengenai negara yang dipimpinnya ini.

Presiden MCA, Datuk Lee San Choon juga mensifatkan Tun Hussein sebagai pemimpin ikhlas, jujur, adil dan seorang yang benar-benar berpegang teguh kepada semua menteri mengeluarkan pandangan masing-masing tentang sesuatu dasar yang akan dilaksanakan sebelum membuat

keputusan.

Datuk Lee juga berjanji akan memberikan sokongan sepenuhnya kepada Datuk Seri Dr. Mahathir.

Tan Sri Dr. Tan Chee Khoo, bekas pemimpin pembangkang berkata, tidak dapat dipertikaikan lagi Tun Hussein seorang pemimpin yang jujur yang sukar dicari persamaannya di manamana pun.

Beliau yakin apabila sejarah negara ditulis di masa depan, nama Tun Hussein akan sentiasa dikaitkan dengan sifat kejujurannya itu.

Yang Dipetua PAS, Datuk Haji Mohamad Asri bin Haji Muda turut mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir serta mengucapkan selamat bersara kepada Tun Hussein.

Beliau mensifatkan penyerahan kuasa dari Tun Hussein kepada penggantinya secara sukarela sebagai suatu peristiwa yang jarang-jarang berlaku dalam sejarah.

Timbalan Presiden Gerakan, Datuk Paul Leong berkata kewibawaan Tun Hussein dan keikhlasannya memperjuangkan keamanan, kestabilan dan keadilan masyarakat menyebabkan Barisan Nasional mendapat kejayaan cemerlang dalam pilihanraya umum 1978.

Setiausaha Agung UMNO, Senator Datuk Haji Mustafa Jabar mensifatkan Tun Hussein sebagai pemimpin yang berjaya melaksanakan pembangunan negara yang pesat di samping mengekalkan kestabilan politik dan ekonomi serta perpaduan di kalangan kaum.

Pengerusi DAP, Dr. Chan Man Hin berkata persaraan Tun Hussein meninggalkan kesan-kesan positif dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Beliau memuji usaha Tun Hussein membentasi amalan rasuah dan berharap penggantinya Datuk Seri Dr. Mahathir memberi perhatian sama berat terhadap masalah tersebut.

Perlantikan Dr.M

Rakyat alukan PM baru

Oleh ASARI IBRAHIM

KUALA LUMPUR, Khamis — Rakyat dari berbagai lapisan masyarakat hari ini mengalu-alukan pertukaran jawatan Perdana Menteri dari Tun Hussein Onn kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dilakukan dengan penuh harmoni dan tanggungjawab.

Di samping itu, mereka juga memberi penghargaan yang tinggi kepada Tun Hussein Onn atas usahanya yang tidak mengenal penat membawa Malaysia melalui berbagai keadaan dan cabaran sejak lima setengah tahun lalu.

Mereka percaya, pemerintahan Datuk Seri Dr. Mahathir bukan sahaja dapat meneruskan setiap usaha cemerlang Tun Hussein, bahkan memperkukuhkan pencapaian itu.

Pemimpin Dewan-dewan Perniagaan dan Kesatuan Sekerja ketika dihubungi dan sewaktu menyatakan keyakinan ini, berpendapat pencapaian ekonomi negara terutamanya di bidang perdagangan dan perindustrian akan terus berkembang.

Mereka juga menolak tanggapan beberapa kalangan yang menifatkan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai radikal kalau tidak "ultra".

"Beliau tidak keras, tetapi tegas," ujar Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Selangor, Datuk Raja Nasron Raja Ishak.

Menurutnya, ketegasan Perdana Menteri yang baru juga akan mengekalkan jawatannya sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian itu tentunya akan mem-

astikan perkembangan kemajuan negara berjalan seperti dirancang.

"Sebenarnya, kita memang berkehendakan seorang ketua yang berani seperti kata orang putih 'to call a spade a spade,'" ujarnya.

Datuk Raja Nasron berpendapat, pengalaman Datuk Seri Dr. Mahathir yang pernah menjadi Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Kedah dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian tentu akan dapat membantu beliau memahami masalah dan kesulitan yang terpaksa dihadapi oleh peniaga-peniaga Melayu.

Yang Dipertua Dewan Perniagaan India Malaysia, Tan Sri S.O.K. Ubaidillah seperti Datuk Raja Nasron juga penuh yakin bahawa perkembangan ekonomi negara tidak akan terjejas dengan pertukaran tampok pemerintahan negara, malahan akan terus berkembang pesat.

"Percayalah, zaman yang akan datang ini, akan merupakan 'zaman keemasan' kerana buat pertama kalinya Perdana Menteri Malaysia juga memegang jawatan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Beliau juga menolak dengan keras kalangan yang menganggap Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai "ultra".

"Ultra apa? Beliau hanya menunaikan tanggungjawabnya dengan penuh kesedaran dan keikhlasan.

"Selama tujuh tahun saya bersamanya di Parlimen, saya menyedari bahawa beliau bertungkus lumus

● LIHAT MUKA 2
(Ruang satu)

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia